



SERAMAI 148 murid yang menyertai Program Kilauan Mutiara anjuran UMP, Pahang.

Mahasiswa UMP berbakti kepada masyarakat

Oleh Mimi Rabita Abdul Wahid
bhvarsiti@bharian.com.my

PEKAN: Seramai 148 pelajar daripada tujuh sekolah mengikuti program Projek Kilauan Mutiara Teach Malaysia Teach (TMT) anjuran Kelab InSmartive Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang berminat memantapkan penguasaan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah rendah berkenaan.

Program anjuran bersama Pertubuhan Kebajikan dan Kemajuan Sosial, Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Pekan dan Pejabat Daerah Pekan itu dijalankan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJJC) Yoke Hwa, SJJC Pekan, Sekolah

Kebangsaan (SK) Ahmad, SK Seri Biram, SK Seri Terentang, SK Langgar dan SK Indera Shahbandar.

Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata inisiatif itu menyumbang kepada pencapaian Bidang Keberhasilan Utama (KRA) Pembangunan Sosioekonomi UMP dan memberi nilai tambah kepada penjarangan universiti dalam kalangan masyarakat setempat di daerah Pekan.

"Program ini ialah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat UMP terhadap masyarakat sekitar Pekan. Apa yang penting, mahasiswa perlu menyedari bahawa ilmu yang dipelajari di kampus tidak akan memberi impak jika tidak tidak

disalurkan kepada masyarakat untuk dikongsi manfaatnya.

"Saya berharap projek ini dapat dijayakan hasil permuafakatan dan persefahaman harmoni membabitkan pelbagai pihak terutama sekolah," katanya ketika berucap merasmikan Projek Kilauan Mutiara TMT di Pusat Kegiatan Pelajar, UMP Pekan, baru-baru ini.

Turut hadir, Pegawai Pelajaran Daerah Pekan, Alias Chik; Pengerusi Persatuan Bekas Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Cawangan Pekan, Datuk Ibrahim Ya'acob; Timbalan Pendaftar Kanan, Wan Abdul Rashid Wan Abdul Rahman; Pengerusi Pertubuhan Kebajikan dan Kemajuan Sosial, Elia Mastura Kamaruddin dan

Penasihat Kelab In-Smartive Wan Nazrul Helmy Wan Mohd Zain.

Timbalan Presiden Kelab InSmartive yang juga Pengurus Projek, Mohd Jamil Mohd Ja'afar, berkata program itu dapat memberi suntikan motivasi, membina jati diri dan persediaan mental dalam kalangan murid sekolah terbabit untuk menghadapi Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

"Banyak aktiviti yang dianjurkan bagi meningkatkan motivasi diri

pelajar, contohnya, Filial Piety, Dare To Be You, Green At Heart, All Children Excel, Study Techniques, Time Management dan Youngstar Games," katanya.

Katanya, program yang dikendalikan 80 sukarelawan Kelab InSmartive itu dijangka akan diadakan sebanyak 27 sesi di sekolah, manakala lima daripadanya di kampus UMP bagi mendedahkan murid sekolah dengan suasana persekitaran dan pembelajaran di institusi pengajian tinggi.

Karnival Kesenian
Delapanan UiTM meriah